

TEKS PERGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGGAL PERTAMA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Reformasi

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Terlebih dahulu, marilah sama-sama kita merafakkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah perkenan dan keizinan-Nya jua, Sidang Muda Pulau Pinang, Sesi 1, Tahun 2022, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada hari sabtu, 4 Mei 2022 telah berjalan dengan lancar.

Dalam sesi penggulungan ini, saya akan menumpukan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan portfolio infrastruktur dan pengangkutan, manakala mana-mana yang tak sempat disentuh akan diberi perhatian, pertimbangan dan tindakan susulan, termasuklah isu-isu yang boleh diselesaikan secara pentadbiran.

Saya juga memohon maaf kerana terdapat beberapa perkara yang dibangkitkan, tidak dapat saya jawab memandangkan ia berada di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri terutamanya isu-isu yang boleh dipanjangkan untuk perhatian dan diambil tindakan susulan di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, saya telah meneliti isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Daripada 40 orang Ahli yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam sesi perbahasan, sejumlah 4 atau lebih separuh daripadanya telah membangkitkan isu-isu berkenaan pengangkutan yang meliputi seluruh Kawasan negeri Pulau Pinang.

Saya sangat menghargai setiap pandangan, teguran dan jawapan yang diberikan oleh rakan-rakan ahli yang Berhormat. Hal ini kerana saya percaya segala pandangan dan teguran itu adalah bersandarkan kepada NIAT kita semua untuk memastikan penyelesaian setiap pengguna di jalan raya.

Saya mengambil maklum bahawa Kesyakan Lalu Lintas di Pulau Pinang berada pada tahap yang amat kritikal. Antara laluan yang sering menjadi tumpuan kesesakan adalah Jambatan Pulau Pinang dan lebuh raya sungai dua-seberang jaya. Sebagai seorang yang berlatarbelakangkan Pendidikan kejuruteraan awam, saya berpendapat bahawa kesesakan lalu di jalan-jalan ini dapat diatasi dengan menaik taraf sistem pengangkutan awam. Kerajaan mengambil maklum tentang pelaksanaan Penang Transport Master Plan akan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di samping meningkatkan ekonomi negeri. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan berkenaan dengan masalah door-to-door connectivity, saya sendiri berpendapat bahawa stesen di dalam Penang Transport Master Plan sewajarnya disambung terus kepada Sungai Petani, Kedah dan Parit Buntar, Perak. Melalui zon

perindustrian yang bakal di bina di bertam, Kepala Batas. Hal ini kerana, kebanyakan penduduk negeri kedah dan perak bekerja di Pulau Pinang.

Saya juga berpendapat bahawa jenis kontrak yang dilaksanakan dalam projek ini harus ditukarkan iaitu daripada kontrak yang berbentuk konvensional kepada turnkey. Kontrak Turnkey adalah seperti lebuhraya utara selatan yang diselenggara oleh syarikat konsesi PLUS Malaysia Berhad (PLUS). Konsep kontrak turnkey adalah di mana kontraktor perlu mengeluarkan dana sendiri untuk menjalankan projek manakala cara kerajaan negeri membayar semula adalah melalui pemberian konsesi sebagai contoh 30 tahun. Dengan ini kerajaan negeri tidak perlu meminjam lagi dari kerajaan persekutuan. Saya sendiri berharap agar Penang Transport Master Plan ini dapat dijalankan dengan secepat mungkin agar dapat memberi banyak manfaat kepada rakyat negeri pulau pinang, tidak ketinggalan juga kepada rakyat negeri kedah dan perak.

Bersandarkan kepada keazaman dan komitmen semua, saya berharap mudah-mudahan, segala NIAT murni yang dicita-citakan melalui Penang Transport Master Plan ini akan dapat kita realisasikan. Insya-Allah. Selari dengan hasrat ini, saya dan seluruh barisan kepimpinan Kerajaan Negeri memohon restu dari Allah SWT agar dipermudahkan segala urusan pelaksanaan Penang Transport Master Plan demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Demikianlah ucapan penggulungan saya.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh

Muhammad Ibrahim Khalili

N22 Tanjung Bunga

Sidang Muda 2022 Penggal Pertama



SIDANG MUDA
PULAU PINANG